

Tingkat ekonomi, pulih keyakinan pelabur asing

BERITA HARIAN 10/3/2020 P. 9

Kuala Lumpur: Barisan Menteri Kabinet baru dilantik, termasuk tokoh kewangan, perlu melaksanakan tugas penting dalam meningkatkan ekonomi negara terutama ketika ini yang berdepan dengan kejatuhan disebabkan COVID-19.

Ahli Ekonomi Oversea-Chinese Banking Corp Singapura, Wellian Wiranto, berkata peranan utama sudah semestinya teraruh kepada Menteri Kewangan yang baharu dilantik, Datuk Seri Tengku Zafrul Tengku Abdul Aziz.

"Tugas utama dan penting adalah melaksanakan RM20 bilion pakej rangsangan ekonomi bagi mengatasi kejatuhan ekonomi susulan penularan COVID-19.

"Pertumbuhan ekonomi Asia Tenggara semakin perlahan walaupun sebelum virus itu melanda, turun ke paras rendah dalam tempoh sedekad tahun lalu.

"Pelantikan Tengku Zafrul, yang mempunyai kepakaran luas dalam industri perbankannya sebagai Menteri Kewangan dan bukannya ahli politik, adalah mesej jelas Perdana Menteri cuba untuk memastikan kredibiliti fiskal," katanya.

"Ini adalah langkah positif, walaupun masih belum jelas bagaimana ia dapat dengan cepat meningkatkan keyakinan pasaran pada saat kestabilan fiskal diancam oleh kejatuhan harga minyak mentah dunia," katanya.

Penganalisis Ekonomi, Prof Madya Dr Madeline Berma, pula berkata Menteri Kabinet yang dilantik, terutama mereka yang ter-



Fokus juga kepada memastikan pakej rangsangan ekonomi berjalan seperti dirancang walaupun kerajaan berubah serta masalah pengangguran.

**Dr Madeline Berma,
Penganalisis Ekonomi**

babit dalam portfolio kewangan, perdagangan dan industri perlu memfokuskan kepada kestabilan ekonomi dengan meningkatkan keyakinan kepada pelabur asing.

"Fokus juga kepada memastikan pakej rangsangan ekonomi berjalan seperti dirancang walaupun kerajaan berubah serta masalah pengangguran.



Menteri berani mencuba strategi mapan untuk jangka masa panjang dan bukan bersifat efektif dalam masa singkat tetapi bebankan negara dalam jangka masa panjang.

**Dr Ahmed Razman Abdul Latiff,
Pengurus Pembangunan
Perniagaan, Putra Business
School (PBS)**

"Selain itu, perkara paling utama dalam menangani peningkatan kos sara hidup, membantu golongan B40 dan M40," katanya.

Pengurus Pembangunan Perniagaan, Putra Business School (PBS), Prof Madya Dr Ahmed Razman Abdul Latiff, pula berkata menteri yang baru dilantik harus memberi fokus sepenuhnya da-



Menteri terbabit harus merintis jalan untuk barang dan perkhidmatan Malaysia di pasaran baru seperti Afrika, Amerika Tengah dan Amerika Selatan.

**Dr Aimi Zulhazmi
Abdul Rashid,
Penganalisis Ekonomi**

lam menangani isu semasa.

Beliau berkata, semua pandangan harus diambil kira tanpa mengira ideologi politik dan sebagainya.

"Selain itu menteri yang baru dilantik harus berani mencuba strategi yang mapan untuk jangka masa panjang dan bukan bersifat efektif dalam masa singkat

tetapi membebankan negara dalam jangka masa panjang.

"Sebagai contoh, jangan mengambil hutang berlebihan untuk menyelesaikan ekonomi lembap tetapi akhirnya negara lemas dalam hutang yang tinggi.

"Sebaliknya reformasi sistem monetari harus dilaksanakan secepat mungkin walaupun ia lebih sukar," katanya.

Penganalisis Ekonomi, Dr Aimi Zulhazmi Abdul Rashid, berkata menteri perlulah berkeupayaan menangani masalah ekonomi yang terkesan oleh COVID-19.

"Menteri perlu mempunyai pengetahuan dan keupayaan untuk mengadakan program yang dikehendaki oleh rakyat seperti menangani kenaikan inflasi, menambah kuasa membeli rakyat dan menyururkan bantuan kewangan kepada golongan B40 dan M40."

"Seterusnya membentuk ekonomi Malaysia untuk beralih kepada nilai tambah tinggi sektor pembuatan, perkhidmatan serta pengkomersialan ke arah menjadi negara maju dan keluar dari perangkap pendapatan pertengahan.

"Malaysia juga perlu mencari pasaran baru untuk mengurangkan kebergantungan kepada pasar China, India, Amerika Syarikat dan ASEAN.

"Menteri terbabit harus merintis jalan untuk barang dan perkhidmatan Malaysia di pasaran baru seperti Afrika, Amerika Tengah dan Amerika Selatan," katanya.